

NO. SOALAN : 261

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

DATO' DR. TAN KEE KWONG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai semua syarikat di mana Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) memegang saham, bilangan dan peratus pegangan saham dalam syarikat berkenaan, serta bilangan wakil dalam lembaga pengarah syarikat terbabit.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat di mana FELDA memegang saham terbahagi kepada tiga (3) iaitu Syarikat Subsidiari (10 syarikat dengan pegangan saham antara 95% – 100%), Syarikat Bersekutu (3 syarikat dengan pegangan saham antara 21% - 40%) dan Syarikat Usaha sama (2 syarikat dengan pegangan saham antara 49% - 50%). Bilangan wakil FELDA dalam lembaga pengarah semua syarikat berkenaan adalah dua (2) hingga empat (4) orang.

Sekian, terima kasih.